B. Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betulnya.

1. I Julia memarkir keretanya di halaman rumah Mak Ngah Halijah.
   II Banyak halaman buku itu yang sudah koyak dan hilang.
   III Rusydia menyentuh halaman permaidani yang sangat lembut itu dengan tangannya.
   IV Pemuda itu terbaring di halaman jalan raya sambil mengerang kesakitan.
   A I dan II
   B II dan III
   C I dan IV
   D III dan IV

2. I Penjenayah itu akhirnya ditangkap berdasarkan kesan cap jarinya.
   II Eidlan akan berusaha untuk menghilangkan kesan gemuruh dalam dirinya.
   III Kami memakai pakaian tebal kerana tidak tahan dengan kesan sejuk di negara itu.
   IV Pengambilan gula secara berlebihan akan mendatangkan kesan buruk terhadap kesihatan.
   A I dan II
   B II dan III
   C I dan IV
   D III dan IV

Sistem Bahasa: Bahagian B

A. Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah ini.

khayalan	mimpi	kerani	murid
papan	cili	batu	padi

(i) Syaidatul suka melihat pemandangan sawah _____.

(ii) Ketiga-tiga orang _____ itu dikenakan hukuman kerana telah beberapa kali ditangkap atas kesalahan ponteng sekolah.

(iii) Wen Dee tidak dapat tidur dengan lenanya kerana sering mengalami _____ ngeri.

(iv) Mangsa bot karam itu sempat berpaut pada sekeping _____ sebelum dia diselamatkan oleh anggota penyelamat.

B. **Klik ruang** *(✓) bagi kata nama am yang betul berdasarkan ayat-ayat di bawah ini.*

(i) Wanita itu meminta bantuan kami untuk mencari _____ keretanya yang tercicir.
kunci ( ) pintu ( ) cermin ( )

(ii) Pokok _____ yang ditanam oleh ayah beberapa bulan yang lalu sudah berbuah lebat.
bunga ( ) sawi ( ) mangga ( )

(iii) Akmal ke sungai untuk memandikan _____ peliharaannya setelah haiwan itu meragut rumput di padang.
burung ( ) kucing ( ) kerbau ( )

(iv) _____ itu terpaksa memberhentikan keretanya yang kehabisan minyak di tepi jalan raya.
Penunggang ( ) Pemandu ( ) Peluncur ( )

LIVEWORKSHEETS